

63 Pelajar Sertai Bengkel Tahsin Solat

Terakhir dikemaskini: Rabu, 18 Julai 2018 15:59 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 409

[Kongsi 29](#)

[Syorkan 29](#)

[Kongsi](#)

[Tweet](#)

[Share](#)



RABU, 18 JULAI – Seramai 63 pelajar Kolej Tingkatan Enam Kota Kinabalu menyertai Bengkel Tahsin Solat yang berlangsung di Masjid Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Program yang merupakan anjuran bersama kolej tersebut dengan Pusat Islam UMS (PIUMS) dibimbing penceramah dari PIUMS iaitu Ustaz Mohammad Fazri Abdul Hamid dan Ustaz Md. Nazrie Petir.

Menurut Mohammad Fazri, program tersebut bertujuan memberi pendedahan tatacara

solat yang betul sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasullullah SAW.

“Program seumpama ini amat bertepatan dalam usaha membentuk modal insan yang cemerlang dalam kalangan peserta sekali gus menambahkan ilmu berkaitan keagamaan ke arah generasi pewaris tumpuk kepimpinan pada masa hadapan.

“Pada bengkel ini, semua peserta turut melakukan praktikal solat dan membaca surah al-Fatihah dengan betul dari segi tajwidnya,” jelasnya lagi.

Hadir sama pada program itu ialah Guru Pengiring Kolej Tingkatan Enam Kota Kinabalu, Zainuddin Mohd. Yusoff dan Mohd. Khairi Lebai Ahmad.